

Sikap jujur, sederhana bantu atasi masalah

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sikap pemimpin MCA yang jujur dan sederhana membantu kerjiaan Barisan Nasional (BN) dalam menyelesaikan masalah negara dengan baik.

Menurut Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, keadaan itu membolehkan negara terus menitiknati kestabilan politik, suasana aman dan kemajuan pesat dalam pembangunan.

“MCA selama ini memainkan peranan penting dalam menjamin kestabilan politik negara. Sumbangan ini membolehkan negara memberi tumpuan sepenuhnya kepada pembangunan dan meningkatkan taraf hidup rakyat ke tahap yang lebih baik,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam kata-kata

aluannya sempena pelancaran buku cendermatan memperingati perjuangan 45 tahun MCA. Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, tnerasmikan pelancaran buku itu di Wisma MCA, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, sebagai sebuah negara pelbagai kaum adalah penting perpaduan rakyat diutamakan bagi membantu Malaysia berkembang maju dengan lebih pesat dalam semua bidang.

“Ini akan membolehkan kita mencapai Wawasan 2020 dalam jangka masa lebih cepat lagi,” katanya.

Sambil mengucapkan tahniah kepada MCA yang menyambut ulang tahunnya ke-45, Dr Mahathir berharap MCA di bawah kepemimpinan Dr Ling akan terus maju dan berjaya memperkukuh-

kan lagi kekuatan BN.

Sementara itu, Dr Ling dalam ucapannya ketika melancarkan buku itu berkata MCA kini memasuki era baru perjuangan dengan mempunyai ahli yang lebih komited, berdisiplin, matang dan mengamalkan semangat bekerjasama.

Menurutnya, parti itu akan terus berjuang untuk kebaikan rakyat dan negara menerusi perkongsian kuasa bersama parti koalisi dalam BN.

Sambil mengimbas kembali tahap perjuangan dilalui oleh parti itu sejak 1940an, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata dalam tahun 90-an parti itu meneruskan kesinambungan perjuangan, antaranya projek melebarkan bangunan Kolej Tuanku Xbdul Rahman; projek Langkawi

dan kutipan dertn bagi penubuhan sekolah persendirian aliran Cina.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan anggota parti itu supaya terus bersikap rendah hati dan bekerja lebih gigih sekiranya Malaysia kini mencapai kemajuan pesat di bidang ekonomi.

Sementara itu, Timbalan Ketua Biro Penerangan MCA, Ong Ka Ting, ketika menjelaskan objektif buku cendermata MCA itu berkata biro berkenaan mengambil masa lapan bulan untuk menyiapkan buku itu.

Menurutnya, buku berkenaan mengandungi fakta sejarah mengenai MCA, termasuk sumbangannya dalam mencapai kemerdekaan, membantaras pengganas kotnunis dan usaha memupuk perpaduan kaum.